

Terma dan Syarat

Bank Islam Kempen 'Perbankan Mudah Alih-i TAP Sambutan Ulangtahun Ke-10' 1 November 2020 - 31 Januari 2021

Tinjauan Keseluruhan

1. Kempen "**Perbankan Mudah Alih-i TAP Sambutan Ulangtahun Ke-10**" Bank Islam merupakan kempen yang terbuka kepada semua pelanggan Bank Islam yang telah berdaftar sebagai pengguna Perbankan Mudah Alih-i TAP sedia ada, tertakluk kepada Terma dan Syarat dibawah. Kempen ini dianjurkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam").

Definisi

Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ekspresi berikut adalah seperti makna yang diberikan di bawah melainkan terdapat konteks yang membawa maksud sebaliknya:

2. "**Pihak Bank**" bermaksud Bank Islam Malaysia Berhad (Nombor Syarikat: 198301002944 (98127-X)), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, No. 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.
3. "**Kempen**" bermaksud Kempen "Perbankan Mudah Alih-i TAP Sambutan Ulangtahun Ke-10" yang dianjurkan oleh Pihak Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan disini.
4. "**Pelanggan**" merujuk kepada semua pelanggan Bank Islam yang telah berdaftar sebagai pengguna Perbankan Mudah Alih-i TAP Bank Islam ("TAP").
5. "**Transaksi Berbayar**" adalah seperti dibawah:

Transaksi	Amaun Minimum
Tambah Nilai Prabayar Telefon Mudah Alih	RM 30
Pembayaran Bil	
Pindahan Dana Segera Antara Bank (IBFT)	>RM 5,000

Tempoh Kempen

6. Kempen ini bermula dari **1 November 2020 sehingga 31 Januari 2021** ("Tempoh Kempen").

Kriteria Kelayakan

7. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Bank Islam yang telah berdaftar sebagai pengguna Perbankan Mudah Alih-i TAP dan Berjaya melakukan Transaksi Berbayar melalui Perbankan Mudah Alih-i TAP dalam Tempoh Kempen.
8. Pelanggan yang tidak berdaftar sebagai pengguna Perbankan Mudah Alih-i TAP **tidak layak** untuk menyertai kempen ini.
9. Semua transaksi akan dikawal selia oleh sistem berkomputer. Penghantaran borang, SMS, tandatangan kreatif/slogan, dan sebagainya tidak diperlukan.

Mekanisma Kempen

10. Pelanggan dikehendaki melakukan perkara-perkara berikut:
 - a. Membuat Transaksi Berbayar seperti Tambah Nilai Prabayar Telefon Mudah Alih, Pembayaran Bil, atau Pindahan Dana Segera Antara Bank (IBFT) melalui aplikasi TAP;
 - b. Pelanggan akan menerima Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) daripada Bank Islam jika transaksi itu berjaya;

Ganjaran Kempen

11. Dua puluh (20) Pelanggan yang mempunyai Jumlah Transaksi Berbayar tertinggi bagi setiap bulan layak mendapat ganjaran tunai RM300 setiap seorang. Sekiranya seri, Pelanggan dengan jumlah amaun transaksi yang lebih tinggi akan dipilih sebagai pemenang.
12. Terdapat tiga (3) peringkat pemilihan pemenang di dalam kempen ini, Pelanggan perlu memenuhi mekanisma kempen dalam klausa 10. Pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan tarikh transaksi yang dibuat oleh Pelanggan seperti berikut:

	Tempoh Transaksi	Jumlah Pemenang	Ganjaran Tunai
Peringkat Pertama	1 Nov 2020 – 30 Nov 2020	20	RM300 setiap pemenang
Peringkat Kedua	1 Dec 2020 – 31 Dec 2020	20	RM300 setiap pemenang
Peringkat Ketiga	1 Jan 2021 – 31 Jan 2021	20	RM300 setiap pemenang

13. Pelanggan layak untuk memenangi lebih dari satu (1) ganjaran tunai sepanjang Tempoh Kempen.
14. Para pemenang akan dipilih melalui sistem komputer.

15. Pemilihan pemenang untuk setiap peringkat akan dibuat selepas tempoh transaksi yang dinyatakan dalam klausa 12 di atas.

16. Ganjaran tunai untuk Pelanggan yang layak akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan / akaun semasa / akaun pelaburan bertransaksi Al-Awfar Bank Islam.

17. Ilustrasi:

Aktiviti	Status Kelayakan
<p>a) 1 November 2020 – En. Zaki menerima notifikasi Kempen melalui SMS. – En. Zaki melakukan transaksi tambah nilai prabayar telefon sebanyak RM 30.00 menggunakan Perbankan Mudah Alih-i TAP dan menerima SMS yang memaparkan transaksi itu berjaya.</p>	<p>a) Layak- 1 Transaksi</p>
<p>b) 14 November 2020 – En. Zaki melakukan transaksi pembayaran bil utiliti kepada SYABAS sebanyak RM 150.00 melalui Perbankan Mudah Alih-i TAP dan menerima SMS yang memaparkan transaksi itu berjaya.</p>	<p>b) Layak – 1 Transaksi</p>
<p>c) 24 November 2020 – En. Zaki melakukan tambah nilai prabayar telefon sebanyak RM10.00 dan membuat Pindahan Dana Segera Antara Bank (IBFT) sebanyak RM6,000.00 menggunakan Perbankan Mudah Alih TAP.</p>	<p>c) Layak – 1 Transaksi <i>Transaksi tambah nilai prabayar telefon sebanyak RM 10.00 adalah tidak layak kerana amaun mimimum tidak memenuhi mekanisma kempen.</i></p>
<p>Hanya tiga (3) daripada Transaksi Berbayar yang telah dilakukan oleh En Zaki dikira layak.</p> <p>Sekiranya jumlah transaksi berbayar En Zaki pada bulan November 2020 adalah antara 20 transaksi yang tertinggi, maka dia layak untuk mendapat ganjaran tunai sebanyak RM 300.</p>	

Syarat Am

18. Pelanggan adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam kempen.

19. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen, Pelanggan mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi mekanisma kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Pelanggan tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.

20. Dengan mengambil bahagian dalam kempen ini, Pelanggan:

- i. akan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;
 - ii. akan bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen ini (jika berkenaan); dan
 - iii. akan bersetuju dengan keputusan pihak Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang oleh pihak Bank adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang layak dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan pihak Bank akan dilayan.
21. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang gangguan perkhidmatan ketika atau pada waktu pelanggan membuat transaksi yang melayakkan pelanggan menyertai kempen ini.
22. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada ganjaran atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan ganjaran ianya tetap dibawah tanggungjawab pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.
23. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon / SMS / paparan atau siaran di laman sesawang Bank Islam atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain seperti yang diberitahu oleh Bank Islam.
24. Sebagai mematuhi **Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010**, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk Bank Islam menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang-pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
25. Bank Islam dan sekutunya beserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam penafsiran fakta, dan /atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan kerugian ganjaran tunai yang diberi menerusi kempen ini dan Bank Islam dan sekutunya beserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh pelanggan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan ganjaran dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa jua dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang dimana tindakan, tuntutan, kerugian, ganti rugi, denda dan

perbelanjaan tersebut secara langsung disebabkan oleh kelalaian, kecuaiian atau penipuan Bank. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan kempen ini.

26. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamaan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen oleh Bank Islam, tidak membolehkan pelanggan yang menyertai kempen ini membuat sebarang tuntutan atau mendapat pampasan daripada Bank Islam bagi sebarang kerugian atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh pelanggan-pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
27. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank Islam dari masa ke semasa untuk menyemak Terma dan Syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma dan Syarat ini.
28. Semua Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam, layari laman sesawang kami di <http://www.bankislam.com> atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad
Aras 17, Menara Bank Islam
No.22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel: 03-2690 0900
Faks: 03-2782 1337
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my